



## JURNAL LINGUISTIK Vol. 30 (1) Mei 2026 (054-068)

### Kekaburan Makna dalam Tajuk Berita Akhbar *Kosmo! Online*

<sup>1</sup>Siti Nurindah Hassan & <sup>2</sup>Maslida Yusof

[<sup>1</sup>indahassan69@gmail.com](mailto:indahassan69@gmail.com) & [<sup>2</sup>maslida@ukm.edu.my](mailto:maslida@ukm.edu.my)

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

*<sup>1</sup>Penulis Utama, \*<sup>2</sup>Penulis Koresponden*

Tarikh terima : 21 Januari 2026  
*Received*  
Terima untuk diterbitkan : 7 April 2026  
*Accepted*  
Tarikh terbit dalam talian : 31 Mei 2026  
*Published online*

#### Abstrak

Akhbar dalam talian telah menjadi satu platform yang digunakan oleh semua lapisan masyarakat untuk mengetahui isu-isu semasa dengan mudah dan pantas. Kewujudannya membolehkan pelbagai maklumat dapat diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Namun begitu, kesalahan tanggapan akan berlaku dalam menafsir makna tajuk berita yang disampaikan oleh penulis. Penggunaan tajuk yang mengelirukan akan mencetuskan rasa ingin tahu pembaca. Akhbar *Kosmo! Online* telah dipilih dalam kajian ini kerana penyampaian beritanya yang sangat cepat kepada orang ramai. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti jenis-jenis kekaburan dalam akhbar *Kosmo! Online*, menjelaskan jenis kekaburan yang paling kerap ditemui dan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kekaburan dalam tajuk berita akhbar. Kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif dengan mendapatkan 100 data daripada akhbar *Kosmo! Online*. Hasil kajian mendapati terdapat empat jenis kekaburan yang terdiri daripada tiga jenis kekaburan yang paling utama iaitu kekaburan rujukan, kekaburan leksikal, dan kekaburan struktur. Bukan itu sahaja, kajian ini juga menemui kekaburan kompleks yang menggabungkan dua atau lebih kekaburan dalam satu ayat. Kekaburan yang paling kerap dalam akhbar *Kosmo! Online* ialah kekaburan rujukan yang disebabkan oleh penggunaan kata ganti nama yang kabur dalam akhbar. Antara faktor yang menyebabkan berlakunya kekaburan ialah fenomena Umpan Klik 'clickbait', tajuk berita yang ringkas, masa dan tekanan pengeluaran dan faktor penulis. Kajian ini digunakan sebagai panduan kepada penulis berita dalam memperbaiki penulisan tajuk berita agar lebih bertanggungjawab dan tajuk yang disampaikan mudah difahami.

**Kata kunci:** Akhbar dalam talian, kekaburan makna, tajuk berita

*The Ambiguity of Meaning in Headlines of the Kosmo! Online Newspaper.*

#### Abstract

*Online newspapers have become a platform used by all levels of society to access current issues easily and quickly. Their existence enables various types of information to be obtained right at one's fingertips. However, misinterpretations may occur in understanding the meanings of news headlines conveyed by writers. The use of misleading headlines often sparks readers' curiosity. Kosmo! Online was chosen for this study because of its rapid news delivery to the public. This study was conducted to identify the types of ambiguity found in Kosmo! Online news headlines, to explain the most frequent types, and to discuss the factors that contribute to ambiguity in newspaper headlines. The qualitative method was employed by collecting 100 data samples from Kosmo! Online. The findings reveal four types of ambiguity, consisting mainly of three primary types referential ambiguity, lexical*

*ambiguity, and structural ambiguity. In addition, the study also discovered complex ambiguity, which combines two or more types of ambiguity in a single sentence. The most frequent ambiguity found in Kosmo! Online headlines is referential ambiguity, caused by the unclear use of pronouns. Factors contributing to ambiguity include the phenomenon of clickbait, the brevity of headlines, time and production pressure, and writer-related factors. This study serves as a guide for news writers to improve the clarity and responsibility in headline writing so that the intended meaning is more easily understood by readers.*

**Keywords:** Newspaper online, semantic ambiguity, news headlines

## 1. Pengenalan

Perkembangan teknologi digital dan globalisasi telah membawa perubahan ketara dalam cara masyarakat mendapatkan maklumat dan berinteraksi dengan berita semasa. Dalam konteks Malaysia, akhbar dalam talian seperti *Kosmo! Online*, *Berita Harian Online* dan *Harian Metro Online* menjadi antara sumber utama bagi pembaca mengikuti isu-isu terkini. Fenomena ini membuktikan bahawa media dalam talian telah mengambil alih peranan tradisional akhbar bercetak dengan menawarkan capaian maklumat yang pantas, mudah dan bersifat interaktif. Walau bagaimanapun, kemudahan ini turut membawa cabaran dari segi kejelasan bahasa dan ketepatan makna yang disampaikan, terutamanya melalui tajuk berita yang menjadi tumpuan pertama pembaca. Pengamal media sering memilih tajuk yang menarik dan sensasi bagi meningkatkan jumlah klik pembaca dan merupakan satu strategi yang dikenali sebagai umpan klik (*clickbait*). Namun, terdapat segelintir masyarakat di Malaysia yang hanya membaca tajuk tanpa meneliti isi kandungan, sekali gus menimbulkan salah faham terhadap berita yang disiarkan (*Utusan Malaysia*, 2023). Dalam konteks komunikasi massa, tajuk berita bukan sahaja berfungsi menyampaikan maklumat ringkas, tetapi juga berperanan sebagai strategi retorik untuk menarik klik dan pembacaan lanjut. Namun demikian, tajuk yang mengandungi unsur ketaksaan atau membuka ruang kepada pelbagai interpretasi yang berisiko mengelirukan pembaca dan seterusnya menjejaskan pemahaman terhadap maksud sebenar. Situasi ini lebih membimbangkan apabila unsur kekaburan digunakan secara tidak sedar atau sebaliknya dijadikan strategi untuk mencapai kesan tertentu seperti menarik perhatian pembaca atau menimbulkan rasa ingin tahu terhadap sesuatu berita.

Menurut Maslida Yusof et al. (2021), pembaca lazimnya meneliti tajuk utama terlebih dahulu sebelum memutuskan sama ada ingin membaca keseluruhan laporan atau tidak. Oleh itu, tajuk yang tidak jelas boleh mengganggu proses penafsiran makna dan menimbulkan kekeliruan terhadap mesej yang disampaikan oleh penulis. Kekaburan makna dalam tajuk berita boleh berlaku dalam pelbagai bentuk seperti kekaburan rujukan, kekaburan leksikal, dan kekaburan struktur. Erik Santoso (2020) menjelaskan bahawa kekaburan merupakan bentuk ketidakjelasan makna yang wujud dalam bahasa lisan atau tulisan dan boleh berlaku pada tahap kata, frasa, klausa mahupun wacana. Kekaburan juga berkait rapat dengan konteks penggunaan sesuatu ujaran, kerana batasan maknanya tidak tetap dan berubah-ubah bergantung latar komunikasi (Zul Hanis Yop et al. 2020). Dalam konteks akhbar dalam talian, kekaburan menjadi lebih signifikan kerana pembaca tidak dapat berinteraksi secara langsung dengan penulis bagi mendapatkan penjelasan lanjut terhadap maksud sebenar tajuk berita. Hal ini berbeza dengan komunikasi lisan, di mana pendengar boleh bertanya semula bagi mengesahkan maksud penutur. Oleh itu, kekaburan makna dalam tajuk berita boleh mengakibatkan salah tafsir dan seterusnya menjejaskan pemahaman masyarakat terhadap isu sebenar. Sebagai contoh, tajuk berita seperti "*Isteri datuk bandar minta maaf tinggal di hotel ketika banjir*" menimbulkan persoalan kepada siapa isteri datuk bandar yang dimaksudkan. Ketidakjelasan inilah yang menjadi punca masyarakat menerima maklumat yang salah. Terbuktilah bahawa akhbar dalam talian juga tidak terlepas daripada isu kekaburan makna.

### 1.1. Permasalahan Kajian

Akhbar dalam talian seperti *Kosmo! Online* sering kali memilih pendekata tajuk yang bersifat sensasi dan menimbulkan tanda tanya demi menarik klik dan kunjungan pembaca (*Buletin TTKM*, 2020). Permasalahan kekaburan dalam tajuk berita turut berkait dengan fenomena umpan klik (*clickbait*), iaitu

strategi yang digunakan oleh pihak media untuk menarik perhatian pembaca dengan tajuk yang sensasi atau mengelirukan. Mesej dalam komunikasi digital sengaja dibuat kurang jelas untuk tujuan tertentu seperti untuk menyembunyikan maklumat (Nimra Noor et al., 2025). Namun, cara ini membolehkan pembaca salah faham atau menafsir mesej dengan cara yang berbeza-beza. Dalam konteks media Malaysia, khususnya *Kosmo! Online*, strategi ini sering digunakan untuk meningkatkan bilangan capaian pembaca (*views*) dan menarik trafik ke laman sesawang akhbar. Walaupun kajian tentang ketaksaan dan kekaburan makna telah banyak dijalankan, tumpuan terhadap tajuk berita dalam akhbar *Kosmo! Online* masih terbatas. Sebahagian besar penyelidikan terdahulu memberi fokus kepada laporan berita atau kandungan isi berita, bukan tajuk berita misalnya kajian yang dilakukan oleh Abir Wardati et al. (2021), Mohd Syukri Anwar (2022) dan Maslida Yusof et al. (2021). Permasalahan yang lain ialah, pendekatan sedemikian akan menjejaskan etika kewartawanan dan kredibiliti media. Apabila pembaca mula menyedari bahawa tajuk berita tidak lagi menggambarkan kandungan sebenar, kepercayaan terhadap media boleh terhakis. Tambahan pula, kekaburan boleh menjadi alat untuk memanipulasi emosi pembaca, menggantikan fakta dengan persepsi. Justeru itu, kajian ini muncul bagi mengisi kekosongan tersebut dengan meneliti kekaburan makna dalam tajuk berita akhbar *Kosmo! Online*.

## 1.2 Objektif Kajian

Antara objektif kajian ialah:

1. Mengetahui pasti jenis-jenis kekaburan yang terdapat dalam tajuk berita.
2. Menjelaskan jenis kekaburan yang paling kerap dalam akhbar *Kosmo! Online*.
3. Membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kekaburan makna dalam akhbar dalam talian.

## 2. Sorotan Kajian Lepas

Kajian berkaitan kekaburan makna telah dilaksanakan dalam pelbagai bidang seperti komunikasi, pengiklanan, kewartawanan, dan laporan berita. Sorotan kajian lepas ini memberi gambaran menyeluruh tentang kekaburan serta kelompongan yang perlu diisi oleh kajian ini, khususnya dalam konteks tajuk berita akhbar *Kosmo! Online*.

### 2.1 Ketaksaan Leksikal dalam Komunikasi

Zul Hanis Yop dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2020) meneliti *Ketaksaan Leksikal dalam Perbualan Masyarakat Peniaga di Terengganu*. Kajian ini menunjukkan bahawa kekaburan leksikal sering berlaku apabila kata seperti “dia” digunakan untuk merujuk kepada objek, bukan manusia. Contohnya, dalam ujaran seperti “Dia ni elok lagi, baru sampai pagi tadi”. Kata “dia” sebenarnya merujuk kepada barang yang dijual. Fenomena ini berlaku kerana dalam komunikasi harian yang tidak formal, penutur dan pendengar sering berkongsi konteks yang sama. Oleh itu, rujukan kepada objek “dia” tidak menimbulkan kekeliruan dalam kalangan mereka. Namun demikian, jika konteks tidak dikongsi atau tidak jelas, ketaksaan boleh berlaku dan pendengar akan menafsir makna yang salah.

### 2.2 Kekaburan dalam Iklan

Bidang pengiklanan turut menonjolkan penggunaan kekaburan sebagai strategi komunikasi. Kajian oleh Nwankwo-Ojiou et al. (2022) telah meneliti ketaksaan strategik dalam slogan papan iklan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa unsur kekaburan dalam slogan membolehkan mesej iklan ditafsirkan secara berbeza oleh pembaca, sekaligus meningkatkan daya tarikan mesej tersebut. Sebagai contoh, slogan “*Rasa yang lebih hebat menanti anda...*” tidak menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan “lebih hebat”. Ini membolehkan khalayak mentafsir yang boleh merujuk kepada rasa, kualiti atau pengalaman produk. Contoh lain, slogan “*Lebih daripada sekadar minuman*”, membuka ruang kepada pelbagai tafsiran sama ada minuman itu lebih sihat, lebih lazat atau memberi pengalaman lain bergantung kepada konteks pembaca. Kajian ini membuktikan bahawa kekaburan strategik bukan kelemahan komunikasi, tetapi digunakan secara sengaja untuk menarik perhatian, merangsang tafsiran aktif khalayak, dan meningkatkan keterlibatan pembaca dengan mesej iklan.

### 2.3 Kajian Bahasa dalam Tajuk Akhbar

Kajian oleh Maslida Yusof, Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi dan Karim Harun (2021) meneliti jenis-jenis lakuan tutur yang digunakan dalam tajuk berita berbahasa Melayu khususnya yang berkaitan dengan isu kelapa sawit dalam akhbar dalam talian. Kajian ini menumpukan aspek pragmatik khususnya strategi-strategi bahasa yang digunakan untuk menyampaikan makna tersirat melalui tajuk-tajuk akhbar. Penyelidik mengumpul sebanyak 70 data tajuk berita daripada akhbar seperti *Malaysiakini*, *Berita Harian* dan *Harian Metro* bagi tempoh 2017 hingga 2020. Analisis pragmatik terhadap data ini menunjukkan bahawa penulis tajuk berita menggunakan empat jenis lakuan tutur iaitu asertif, direktif, komisif, dan ekspresif. Lakuan asertif paling kerap digunakan sejajar dengan ciri pelaporan berita yang menekankan penyampaian fakta atau maklumat tanpa menimbulkan bias atau prasangka terhadap isu yang dilaporkan. Kajian ini menunjukkan bahawa tajuk berita bukan sekadar alat untuk menarik perhatian tetapi juga berfungsi sebagai alat komunikasi pragmatik yang membentuk persepsi dan fahaman pembaca terhadap sesuatu isu.

### 3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menumpukan analisis terhadap data linguistik dalam bentuk tajuk berita yang diterbitkan oleh portal rasmi *Kosmo! Online*. Pemilihan sumber ini dibuat berdasarkan kedudukannya sebagai antara akhbar harian berbahasa Melayu yang mempunyai kadar pembacaan tinggi serta konsisten menerbitkan berita merangkumi pelbagai domain seperti sukan, dunia dan hiburan (*Kosmo! Online*, 2025). Sebanyak 100 tajuk berita yang dikenal pasti mengandungi unsur kekaburan makna telah dikumpulkan dalam tempoh Februari 2025 hingga April 2025.

#### 3.1 Kaedah Kajian

Kajian ini berbentuk deskriptif kualitatif yang bertujuan menghuraikan fenomena kekaburan makna secara mendalam berdasarkan data autentik. Kaedah semak digunakan bagi mengenal pasti dan mengklasifikasikan bentuk kekaburan yang wujud dalam tajuk berita. Seterusnya, kaedah analisis kandungan diaplikasikan untuk meneliti makna tersurat dan tersirat melalui penelitian terhadap bentuk linguistik dan konteks penggunaannya. Proses analisis dilaksanakan secara sistematik, bermula dengan pengenalanpastian unit linguistik yang berpotensi kabur, diikuti pengkategorian jenis kekaburan dan seterusnya penghuraian tafsiran makna berdasarkan konteks wacana. Kajian kepustakaan turut dijalankan bagi memperkuh justifikasi teori dan menyokong perbincangan analisis.

#### 3.2 Kerangka Teori

Kerangka teori kajian ini berpandukan pendekatan yang dikemukakan oleh Kroeger P.R. (2018) dalam bidang semantik dan pragmatik. Menurut beliau, kekaburan (*ambiguity*) berlaku apabila sesuatu bentuk bahasa membenarkan lebih daripada satu tafsiran yang munasabah berdasarkan unsur leksikal atau strukturnya. Fenomena ini merupakan sifat semula jadi bahasa yang terhasil daripada hubungan antara bentuk dan makna. Kroeger P.R. (2018) membahagikan kekaburan kepada tiga kategori utama, iaitu kekaburan rujukan, kekaburan leksikal dan kekaburan struktur. Kekaburan rujukan melibatkan ketidakjelasan unsur yang dirujuk dalam ayat. Kekaburan leksikal pula berlaku apabila sesuatu kata mempunyai lebih daripada satu makna. Kekaburan struktur merujuk kepada susunan sintaksis yang membenarkan lebih daripada satu tafsiran tatabahasa. Beliau turut membincangkan kekaburan skop yang berkait dengan aspek pragmatik namun aspek ini tidak difokuskan dalam kajian ini. Pemilihan kerangka ini bersesuaian dengan objektif kajian kerana menyediakan asas yang sistematik untuk mengenal pasti dan mengklasifikasikan jenis kekaburan makna dalam tajuk berita berdasarkan ciri linguistik yang jelas dan dapat diperhatikan.

### 4. Hasil Kajian

Berdasarkan 100 data daripada akhbar *Kosmo! Online*, kekaburan banyak berlaku pada tajuk utama akhbar iaitu daripada bulan Februari 2025 sehingga April 2025 iaitu Februari sebanyak 36 tajuk akhbar, Mac pula sebanyak 18 dan April pula sebanyak 46 tajuk akhbar. Menurut Kroeger, P.R. (2018) jenis kekaburan dapat dibahagikan kepada tiga jenis iaitu kekaburan leksikal, kekaburan struktur, dan kekaburan rujukan. Berdasarkan analisis, kajian inimenemui tiga jenis kekaburan iaitu kekaburan

rujukan, kekaburan leksikal dan kekaburan struktur. Namun demikian, hasil kajian juga mendapati terdapat tajuk utama akhbar yang mengandungi dua jenis kekaburan dalam satu ayat. Kekaburan ini dikenali sebagai kekaburan kompleks. Oleh itu, secara keseluruhannya terdapat empat jenis kekaburan iaitu kekaburan rujukan, kekaburan leksikal, kekaburan struktur dan kekaburan kompleks.

#### 4.1 Jenis-Jenis Kekaburan dalam Akhbar *Kosmo! Online*

##### 1. Kekaburan Rujukan

Kekaburan rujukan ialah sifat predikat yang sempadannya tidak dapat ditentukan secara tepat dan menyebabkan timbul “kes-kes sempadan” (Kroeger, P.R., 2018). Kekaburan ini berlaku apabila berlakunya ketidakjelasan siapa atau apa yang dirujuk oleh sesuatu frasa. Kebanyakannya kekaburan rujukan berlaku pada kata ganti nama. Hal ini kerana, kata ganti nama dapat membenarkan lebih daripada satu kemungkinan. Berikut merupakan contoh data kekaburan rujukan.

Data 1: *‘Waktu PKP dulu, hanya syarikat ini yang tidak berhentikan pekerja’*

Sumber: *Kosmo Online!*, 1 Februari 2025

Kekaburan frasa ‘*syarikat ini*’ menunjukkan makna yang tidak jelas. Tajuk berita gagal memberikan maklumat yang mencukupi kepada pembaca. Hal ini kerana tajuk tersebut tidak menyebut nama syarikat secara eksplisit menyebabkan pembaca tidak mengetahui syarikat yang dimaksudkan. Penggunaan unsur rujukan seperti ‘*ini*’ tanpa merujuk secara langsung entiti yang sebenar akan menimbulkan persoalan makna. Penulisan berita seharusnya disampaikan dengan jelas kepada pembaca kerana kebiasaannya pembaca akan melihat kepada tajuk akhbar terlebih dahulu. Bagi mengelakkan kekaburan pada tajuk berita, penulis seharusnya menyatakan dengan jelas pihak atau syarikat yang dimaksudkan agar pembaca dapat memahaminya tanpa menimbulkan sebarang unsur kekaburan makna. Misalnya seperti “*Waktu PKP dulu, hanya Syarikat Megah Holding yang tidak berhentikan pekerja*”. Penamaan rujukan iaitu ‘*Syarikat Megah Holding*’ menjadikan pembaca memahami dengan baik tanpa perlu membaca teks berita yang penuh. Menurut Tan Sri Zulfikar et al. (2025), tajuk berita bertindak sebagai peramal kepada keputusan pembaca sama ada mereka akan membaca kandungan penuh atau tidak. Hal ini kerana, struktur ayat dan unsur dalam tajuk itu sendiri memberi petunjuk kuat kepada makna yang ingin disampaikan. Ini menunjukkan bahawa tajuk berita mempunyai kuasa untuk mempengaruhi pemahaman awal pembaca terhadap berita tanpa pembacaan lanjut terhadap teks penuh.

Data 2: *‘Ingat dia James Bond ke?’*

Sumber: *Kosmo Online!*, 17 Februari 2025

Dalam tajuk berita tersebut, ‘*dia*’ tidak merujuk secara jelas individu tertentu atau subjek sebenar yang dimaksudkan. Bukan itu sahaja, kekurangan maklumat tambahan atau petunjuk yang jelas menyebabkan pembaca tidak dapat mengenal pasti siapa yang dimaksudkan dengan kata ganti nama ‘*dia*’. Akibatnya, pembaca membuat andaian sendiri, yang boleh menimbulkan pelbagai tafsiran terhadap maksud yang ingin disampaikan oleh penulis berita. Kekaburan rujukan ‘*dia*’ ini boleh merujuk kepada pelakon, selebriti, penjenayah, atau mana-mana individu lain. Kekaburan tersebut dapat diatasi sekiranya petunjuk diberikan dengan jelas, contohnya dalam tajuk berita “*Ingat Abdullah James Bond ke?*”. Penggunaan nama ‘*Abdullah*’ secara eksplisit membolehkan pembaca mengenal pasti siapa yang dimaksudkan dengan ‘*dia*’ tanpa perlu membaca keseluruhan artikel. Secara tidak langsung, pendekatan ini membolehkan pembaca menjimatkan masa dan memperoleh pemahaman segera terhadap sesuatu isu semasa (Tan Sri Zulfikar et al. 2025).

Data 3: *‘Lelaki muat naik video hina PM dituduh di mahkamah minggu depan’*

Sumber: *Kosmo Online!*, 16 April 2025

Kekaburan rujukan yang jelas dapat dilihat pada penggunaan istilah Perdana Menteri (PM) dalam tajuk berita. Kekaburan timbul kerana pembaca tidak mengetahui dengan pasti siapa Perdana Menteri yang dimaksudkan, sama ada Tunku Abdul Rahman, Anwar Ibrahim, atau individu lain, khususnya dalam konteks Malaysia. Masalah ini menjadi lebih ketara apabila tajuk dibaca di luar konteks atau pada tempoh masa yang berlainan, misalnya semasa berlaku perubahan kerajaan, atau

apabila berita tersebut dikongsikan di peringkat antarabangsa. Media massa secara amnya membolehkan maklumat tersebar secara meluas, namun kekurangan kejelasan dalam rujukan ini menyebabkan pembaca terpaksa membuat andaian sendiri dan menghasilkan pelbagai tafsiran sebelum membaca teks berita secara keseluruhan. Kekaburan tersebut boleh diatasi melalui penyertaan nama individu secara eksplisit dalam tajuk, contohnya: “*Lelaki muat naik video hina Perdana Menteri Anwar Ibrahim dituduh di mahkamah minggu depan.*” Pendekatan ini memastikan ketepatan dan kejelasan makna, membolehkan pembaca memperoleh maklumat yang tepat serta memahami inti pati berita walaupun hanya membaca tajuk utama sahaja.

## 2. Kekaburan Leksikal

Kekaburan leksikal berlaku apabila sesuatu perkataan mempunyai lebih daripada satu makna dan boleh digunakan untuk merujuk kepada perkara yang sangat berbeza. (Kroeger, P.R, 2018).

Data 4: *‘Wanita berhenti kereta tepi jalan ‘ajar’ anak’*

Sumber: *Kosmo Online!*, 26 Februari 2025

Perkataan ‘ajar’ dalam tajuk berita di atas membawa kepada makna yang pelbagai atau dikenali sebagai homonim. Menurut Farizah Hashim et al. (2025), homonim merupakan punca utama kekaburan leksikal yang boleh menimbulkan halangan dalam komunikasi. Perkataan ‘ajar’ boleh diinterpretasikan kepada makna-makna yang berikut.

- i. Petunjuk supaya diikuti atau diketahui
- ii. Menyampaikan ilmu pengetahuan secara formal di sekolah, institusi, pengajian tinggi dan sebagainya
- iii. Memberikan nasihat, galakan, tunjuk ajar dan sebagainya kepada seseorang
- iv. Mengambil sesuatu tindakan terhadap seseorang supaya serik atau tidak mengulangi perbuatan tertentu.
- v. Memberikan pengajaran kepada seseorang daripada pengalaman yang dilaluinya.

Sumber: *Kamus Dewan Perdana* (2020)

Berdasarkan teori Kroeger, P.R.,(2018) jelaslah bahawa satu unit leksikal boleh merujuk kepada pelbagai makna yang berpotensi menimbulkan salah faham terhadap isi kandungan berita. Oleh itu, tajuk yang sesuai sekiranya ‘ajar’ yang dimaksudkan ialah makna (ii) , maka tajuk yang harus digunakan ialah “*Wanita berhenti kereta tepi jalan, bantu anak mengulang kaji pelajaran*” dan jika ‘ajar’ membawa yang sebaliknya, maka tajuk yang sesuai ialah “*Wanita berhenti kereta tepi jalan, pukul anak*”. Bagi memastikan penyampaian makna dapat diterima oleh pembaca, penulis haruslah memberikan rujukan yang jelas dan menggunakan leksikal yang sebenarnya. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Sarah Balqis et al, (2025) jelaslah menunjukkan bahawa leksikal tidak bersifat tunggal. Hal ini kerana, satu leksikal boleh membawa makna literal dan makna kiasan. Misalnya kajian yang dilakukan olehnya ialah leksikal ‘*api*’ manakala kajian ini misalnya perkataan ‘*ajar*’, ‘*gantung*’ dan banyak lagi. Oleh itu, tafsiran makna bergantung pada konteks budaya dan penggunaan. Fenomena ini selari dengan isu kekaburan makna dalam tajuk berita apabila satu leksikal boleh ditafsirkan lebih daripada satu makna oleh pembaca.

Data 5: *‘Faizal sah gantung kayu hoki’*

Sumber: *Kosmo Online!*, 22 Februari 2025

Perkataan ‘gantung’ merupakan leksikal yang mempunyai makna yang tidak jelas. Hal ini kerana, makna ‘gantung’ boleh membawa kepada banyak makna.

- i. Keadaan bersangkut atau melekap pada kedudukan yang tinggi biasanya diikat dengan tali, besi dari atas atau tepi dan tidak mencecah lantai, tanah dan sebagainya.

- ii. Hukuman yang berupa sekatan daripada meneruskan pekerjaan, tugas dan sebagainya untuk tempoh tertentu.
- iii. Bersara atau berhenti sama sekali daripada bermain sesuatu permainan

Sumber: *Kamus Dewan Perdana* (2020)

Berdasarkan tajuk berita di atas, 'gantung kayu hoki' boleh dijelaskan melalui ketiga-tiga makna tersebut. Tajuk sedemikian membuatkan pembaca tertanya-tanya leksikal 'gantung' yang dimaksudkan ialah perbuatan menggantung kayu hoki atau bersara dari dunia hoki. Oleh itu, keaburan yang dihadapi menyebabkan pembaca menginterpretasi makna yang berbeza daripada makna yang ingin disampaikan oleh penulis. Oleh yang demikian, cadangan tajuk yang dapat diberikan dengan jelas ialah "Faizal sah bersara daripada sukan hoki". Penggunaan leksikal yang tepat dan jelas dalam penulisan berita sangat penting kerana dapat membantu pembaca memahami makna teks dengan lebih efisien dan mengurangkan kekeliruan. Menurut Kroeger, P.R. (2018) pemilihan leksikal yang betul mencerminkan hubungan antara struktur bahasa dan konteks pragmatik. Perkataan yang tepat bukan sahaja memudahkan pemahaman makna denotatif (fakta literal), tetapi juga mengurangkan keperluan pembaca membuat inferens (tekaan makna) yang tidak perlu (Kroeger, P.R., 2018).

Data 6: 'Suami senyap-senyap ada **'baby'** lain'

Sumber: *Kosmo Online!*, 20 April 2025

Leksikal 'baby' boleh ditafsirkan kepada beberapa makna yang berbeza. 'Baby' boleh membawa maksud seperti berikut:

- i. anak kecil yang baru dilahirkan biasanya yang belum pandai bercakap atau berjalan.
- ii. Panggilan sayang atau mesra terhadap seseorang terutamanya kekasih atau pasangan yang bersinonim dengan buah hati, sayang, cinta dan sebagainya.

Sumber: *Kamus Dewan Perdana* (2020)

Oleh itu, 'baby' di atas membawa maksud kekasih atau pasangan rahsia yang merujuk kepada wanita lain dalam kehidupan suami tersebut. Ringkasnya, wanita lain itu dikenali pasangan simpanan, skandal atau isteri kedua yang dirahsiakan oleh si suami kepada isterinya. Namun demikian, 'baby' juga boleh merujuk kepada kedua-dua makna di atas iaitu suami mempunyai hubungan dengan perempuan lain dan telah mendapat anak daripada hubungan tersebut. Tajuk sedemikian mencetuskan salah faham, persepsi yang salah dan mengugah emosi pembaca seperti marah, ingin tahu dan keliru. Oleh itu, tajuk yang bersesuaian digunakan dalam akhbar di atas adalah seperti "Suami senyap-senyap ada isteri lain". Jelas di sini menunjukkan bahawa penggunaan leksikal 'isteri' membolehkan pembaca tahu dan faham bahawa si suami telah berkahwin dengan perempuan lain tanpa pengetahuan isteri pertama. Kroeger, P.R. (2018) menekankan bahawa pemilihan leksikal yang tepat mencipta "path of least effort" dalam pemprosesan makna. Pembaca dapat mengekstrak maklumat yang dimaksudkan pengarang dengan usaha kognitif yang minimum. Dalam konteks tajuk akhbar, ini bermakna perkataan yang digunakan harus jelas, spesifik, dan bersesuaian dengan peristiwa yang dilaporkan.

### 3. Kekaburan Struktur

Kekaburan struktur ialah keaburan ketiga yang akan dikaji dalam kajian ini, Kekaburan struktur merupakan sesuatu yang penting tentang makna. Menurut Kroeger, P. R. (2018), keaburan ini berlaku apabila susunan ayat atau frasa membolehkan lebih daripada satu ayat yang boleh dihasilkan menyebabkan maksud sebenar menjadi tidak jelas tanpa konteks. Struktur sintaksis memainkan peranan penting kepada ungkapan makna.

Data 7: 'Bomoh didakwa mencabul budak perempuan disihir'

Sumber: *Kosmo Online!*, 4 Februari 2025

Berdasarkan data di atas, kekaburan struktur berpunca daripada frasa *'disihir'* yang tidak jelas sama ada merujuk kepada bomoh atau budak perempuan tersebut. Kekaburan ini berlaku disebabkan tiada penggunaan kata hubung *'yang'* untuk memisahkan klausa relatif menyebabkan terjadinya dua kemungkinan struktur sintaksis yang berbeza atau makna yang berlainan. Berikut merupakan ayat yang akan ditafsir:

- i) Bomoh yang didakwa mencabul budak perempuan telah disihir.
- ii) Bomoh didakwa mencabul budak perempuan yang telah disihir.

Kekaburan makna timbul kerana struktur ayat menyebabkan interpretasi berbeza-beza terhadap siapa yang disihir serta hubungan peristiwa. Ayat (i) boleh menunjukkan bomoh itu sendiri telah disihir akibat tindakannya mencabul, manakala ayat (ii) menunjukkan bahawa budak perempuan itu yang telah disihir, dan bomoh yang cuba membantu dia kemudian didakwa kerana mencabul. Keadaan ini menjadikan budak perempuan sebagai mangsa sihir dan juga mangsa pencabulan. Fenomena ini bukan sahaja mencerminkan ketaksaan struktur dan leksikal dalam tajuk berita, tetapi juga merupakan strategi linguistik yang digunakan untuk menarik perhatian pembaca melalui sensasi atau provokasi. Sebagai contoh, ketaksaan sintaksis dalam tajuk berita sering timbul daripada struktur ayat yang padat dan ringkas, menyebabkan pelbagai interpretasi oleh pembaca kerana kekurangan konteks lengkap dalam tajuk sahaja (Nira Fatima, 2025). Ini boleh menjejaskan kefahaman pembaca terhadap perkara sebenar yang berlaku.

#### Data 8: *'Lori bawa 40 motosikal hangus'*

Sumber: *Kosmo Online!*, 5 Mac 2025

Dari segi sintaksis, kekaburan dapat dilihat daripada hubungan antara subjek, objek dan predikat manakala semantik pula dilihat daripada makna yang disampaikan berbeza-beza. Kekaburan struktur ayat di atas dapat ditafsirkan kepada tiga makna.

- i) Lori itu sendiri yang hangus dan lori itu sedang membawa 40 motosikal
- ii) Semua motosikal yang dibawa lori telah hangus.
- iii) Lori dan semua 40 motosikal hangus.

Dalam tafsiran ayat (i), kata kerja *"hangus"* secara langsung dikaitkan dengan subjek *"lori"*, kerana tajuk asal tidak menggunakan penanda seperti koma atau klausa tambahan untuk menunjukkan hubungan objek lain yang terlibat. Bagi tafsiran (ii), frasa *"40 motosikal hangus"* menekankan bahawa objek yang dibawa lori itu telah musnah akibat kebakaran, kemalangan, atau insiden lain. Tafsiran (iii) pula menyatakan bahawa kedua-dua lori dan semua 40 motosikal yang dibawanya hangus akibat kemalangan atau kebakaran. Ayat ini menimbulkan kekaburan kerana pembaca tidak dapat menentukan sama ada kata kerja *"hangus"* merujuk kepada subjek atau objek. Kekaburan ini berlaku akibat tiada penggunaan tanda baca yang memisahkan maklumat utama dengan maklumat sampingan, serta susunan subjek, predikat, dan objek yang tidak jelas. Menurut Kroeger, P.R. (2018) struktur sintaksis dan pemilihan leksikal yang tepat memainkan peranan penting dalam mengurangkan keperluan inferens pembaca. Beliau menekankan bahawa apabila subjek, predikat, dan objek disusun dengan jelas dan perkataan yang digunakan spesifik, pembaca dapat memahami makna ayat secara langsung tanpa membuat tafsiran tambahan.

Dalam konteks tajuk akhbar, ini bermakna setiap klausa dan tanda baca perlu berfungsi untuk menandakan hubungan antara subjek dan objek dengan kata kerja supaya makna yang dimaksudkan sampai dengan tepat kepada pembaca (Kroeger, P.R., 2018). Sehubungan itu, cadangan tajuk yang lebih jelas seperti *"Lori terbakar; 40 motosikal yang dibawa hangus"* adalah selaras dengan prinsip Kroeger. Tajuk ini memisahkan maklumat utama ke dalam dua klausa yang jelas. Klausa pertama *"Lori terbakar"* dan klausa kedua *"40 motosikal yang dibawa hangus"*. Pemisahan klausa ini membantu pembaca memahami struktur ayat dengan lebih mudah, mengurangkan kekaburan, dan memastikan kata kerja *"hangus"* jelas merujuk kepada objek (motosikal) bukannya subjek (lori).

Data 9: *'5 pelakon cantik jadi isteri orang kaya'*Sumber: *Kosmo Online!*, 19 April 2025

Susunan ayat atau frasa menyebabkan pelbagai kemungkinan pemahaman. Berdasarkan tajuk di atas, terdapat dua tafsiran yang boleh dihasilkan daripada ayat di atas iaitu:

- i) Semua 5 pelakon berkahwin dengan lelaki yang sama iaitu seorang yang kaya.
- ii) 5 pelakon berkahwin dengan lelaki kaya yang berlainan.

Tajuk (i) menimbulkan kekaburan semantik kerana frasa *"orang kaya"* boleh ditafsirkan sebagai subjek tunggal yang menjadi suami kepada kesemua lima pelakon. Dalam konteks pembaca, tajuk ini menggambarkan hubungan poligami dan boleh mencetuskan tanggapan sensasi atau kontroversi, kerana melibatkan status selebriti, kekayaan, dan isu moral yang sensitif. Pembaca akan membuat inferens tambahan untuk memahami implikasi berita, tetapi kekaburan ini berpotensi menimbulkan salah faham tentang fakta sebenar. Sebaliknya, tajuk (ii) lebih munasabah kerana menekankan bahawa setiap pelakon berkahwin dengan lelaki kaya yang berbeza, tetapi struktur ayat masih boleh menimbulkan tafsiran berganda jika pembaca tidak berhati-hati. Kekaburan sebegini berlaku kerana susunan subjek, predikat, dan frasa adjektif *"yang kaya"* tidak jelas merujuk kepada setiap individu secara berasingan atau kepada subjek tunggal. Menurut Kroeger, P.R. (2018) ketepatan leksikal dan struktur sintaksis adalah kunci untuk mengurangkan keperluan inferens tambahan daripada pembaca. Dalam konteks tajuk akhbar, penggunaan struktur yang memisahkan maklumat mengenai setiap individu atau objek membantu pembaca memahami hubungan antara subjek dan predikat dengan lebih tepat tanpa menimbulkan tafsiran berganda. Tajuk yang membolehkan pembaca mengetahui isu-isu yang ingin dipertengahan iaitu *"5 pelakon popular pilih lelaki kaya sebagai pasangan hidup."* Contoh ayat yang diberikan memastikan pembaca dapat mengelakkan kekaburan dan memahami dengan baik maksud sebenar tajuk akhbar tersebut. Bukan itu sahaja, tajuk yang dicadangkan menunjukkan bahawa setiap pelakon popular telah memilih pasangan hidup masing-masing dan menegaskan bahawa pasangannya tergolong di dalam kalangan orang berada dan kaya.

#### 4. Kekaburan Kompleks

Tajuk berita yang ringkas atau padat, sering menghasilkan *"crash-blossoms"*, iaitu satu bentuk kekaburan kompleks di mana pembaca boleh menafsir makna tajuk dengan pelbagai cara akibat struktur sintaksis yang tidak jelas (Aqeel Ahmad et al. 2025). Fenomena ini merupakan contoh kekaburan kompleks kerana ia melibatkan beberapa lapisan ketaksaan iaitu ketaksaan leksikal, ketaksaan rujukan, dan ketaksaan struktur. Kekaburan kompleks ini boleh terdiri daripada

Data 10: *'Dia punya sejuk macam mandi ais'*Sumber: *Kosmo Online!*, 1 Februari 2025

Tajuk di atas merupakan kekaburan kompleks yang berlaku menyebabkan interpretasi makna terbuka dan tidak jelas.

- i. Kekaburan Rujukan 'dia'
 

Kekaburan ini tidak menjelaskan siapa yang dimaksudkan dengan 'dia'. Hal ini menyebabkan pembaca harus meneka terlebih dahulu sama ada 'dia' yang dimaksudkan merujuk kepada individu biasa, selebriti, entiti metafora seperti cuaca itu sendiri.
- ii. Kekaburan Leksikal 'sejuk'
 

Leksikal ini boleh merujuk kepada beberapa makna iaitu:

  - a) (bukan cuaca, udara, badan, air dan lain-lain) rendah suhunya
  - b) (bukan perasaan marah, benci dan sebagainya) reda dan tidak melua-luap
  - c) keadaan cuaca, udara, badan air dan lain-lain yang rendah suhunya
  - d) (bukan sesuatu, hati, perasaan dan sebagainya) tidak marah, benci

Sumber: *Kamus Dewan Perdana* (2020)

Gabungan keaburan rujukan dan leksikal menyebabkan pembaca perlu membaca tajuk dan artikel berulang kali untuk memahami maksud sebenar. Kekaburan seperti ini boleh mengganggu kefahaman awal pembaca dan mengurangkan keberkesanan komunikasi berita. Namun, penggunaan elemen visual seperti gambar dapat berperanan sebagai konteks tambahan (*contextual cue*), membantu pembaca memahami bahawa istilah “*sejuk*” merujuk kepada cuaca, bukan emosi individu. Ini sejajar dengan teori relevans oleh Sperber dan Wilson (1995), di mana konteks visual membantu mengurangkan usaha inferens pembaca. Bagi mengatasi keaburan tersebut, tajuk berita boleh diperjelas menjadi “*Cuaca sekarang sejuk macam mandi ais*”. Tajuk ini menunjukkan beberapa kelebihan dari segi kefahaman pembaca. Pertama, menjelaskan rujukan secara spesifik, kerana istilah “*cuaca*” menggantikan kata ganti “*dia*”, menyingkirkan ketidakpastian tentang siapa atau apa yang dimaksudkan. Kedua, menggunakan leksikal yang jelas dan spesifik. Contohnya, frasa “*macam mandi ais*” memberi gambaran suhu rendah yang konkrit dan mudah difahami dan mengurangkan risiko tafsiran berganda. Ketiga, tajuk ini mengurangkan keperluan inferens tambahan kerana pembaca tidak perlu meneka sama ada istilah “*sejuk*” merujuk kepada emosi atau fenomena fizikal, justeru memudahkan proses pemahaman. Dari perspektif Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1995), tajuk yang jelas ini membolehkan makna sampai kepada pembaca dengan usaha kognitif yang minimum, dan meningkatkan keberkesanan komunikasi berita.

Data 11: ‘*Lelaki OKU dipukul akhirnya buka mulut*’Sumber: *Kosmo Online!*, 2 Februari 2025

Kekaburan yang dimaksudkan terdiri daripada keaburan rujukan dan keaburan leksikal.

#### i. Kekaburan Rujukan ‘Lelaki OKU’

Frasa ‘Lelaki OKU’ tidak dapat dikenal pasti entiti yang dirujuk di dalam teks. Walaupun frasa yang ditulis merujuk kepada seorang lelaki yang tergolong dalam kategori Orang Kurang Upaya, namun tiada maklumat tambahan yang diberikan untuk menjelaskan entiti tersebut. Kategori OKU itu sendiri juga adalah umum dan tidak menyatakan lelaki tersebut tergolong di bawah kategori apa adakah sama ada ketidakupayaan secara fizikal, pendengaran, penglihatan, dan mental.

#### ii. Kekaburan Leksikal ‘buka mulut’

Frasa ‘buka mulut’ dapat membawa makna seperti berikut:

- a) mengangakan mulut
- b) mengeluarkan kata-kata
- c) mengadukan hal kepada seseorang yang boleh memberi bantuan

Sumber: *Kamus Dewan Perdana* (2020)

Tajuk asal di atas tidak memberikan subjek yang jelas atau tindakan yang spesifik menyebabkan pembaca terpaksa melakukan inferens sendiri dan ini boleh membawa kepada kesalahan tafsiran atau persepsi negatif, terutamanya jika tajuk itu melibatkan isu sensitif seperti keganasan atau diskriminasi terhadap golongan terpinggir. Contohnya, tajuk yang diubah kepada “*Lelaki OKU pendengaran dipukul jiran tampil beri keterangan kepada polis*” bukan sahaja menegaskan identiti subjek sebagai individu yang terlibat, tetapi juga menetapkan rangka tindakan yang berlaku iaitu dia tampil memberikan keterangan kepada polis. Dari perspektif Kroeger, P.R. (2018) pemilihan subjek, predikat, dan objek yang jelas serta leksikal yang tepat akan mengurangkan beban inferens kognitif pembaca dan meminimumkan risiko tafsiran salah. Namun, secara kritis, walaupun tajuk ini lebih jelas, ia tetap mengekalkan fokus pada pengalaman mangsa dan tindakan pihak berkuasa yang menunjukkan bahawa pemilihan kata dan struktur ayat bukan sahaja menyampaikan fakta tetapi juga membentuk naratif dan persepsi pembaca. Dengan itu, penulis berita perlu sedar bahawa setiap kata dan frasa dalam tajuk bukan sahaja menyampaikan makna literal, tetapi juga mempunyai implikasi pragmatik dan sosial. Kegagalan untuk mengatur struktur atau memilih leksikal yang sesuai boleh menyebabkan keaburan kompleks yang mempengaruhi kefahaman dan reaksi pembaca terhadap berita tersebut.

#### 4.2 Jenis Kekaburan Yang Paling Kerap dalam Akhbar *Kosmo! Online*

Analisis data menunjukkan kekaburan rujukan paling kerap digunakan oleh penulis dalam tajuk utama berita. Kekekapan penggunaan kekaburan ini memperlihatkan bahawa kekaburan tersebut paling banyak digunakan oleh penulis-penulis akhbar yang lain. Berikut dipaparkan dapatan kekaburan dalam bentuk jadual.

##### Jadual 1

*Jenis Kekaburan Yang Paling Kerap dalam Akhbar Kosmo! Online*

Jenis Kekaburan	Bilangan Tajuk Akhbar	Peratus (%)
Kekaburan Rujukan	44	44
Kekaburan Leksikal	31	31
Kekaburan Struktur	14	14
Kekaburan Kompleks	11	11
Jumlah Keseluruhan	100	100

Sebanyak 44 akhbar daripada 100 akhbar menunjukkan bahawa kekaburan rujukan merupakan kekaburan yang paling banyak digunakan. Kekaburan kedua yang paling kerap ditemui ialah kekaburan leksikal, diikuti oleh kekaburan struktur dan kekaburan kompleks. Berikut diberikan contoh data lain bagi kekaburan rujukan yang diperolehi dalam akhbar *Kosmo! Online*.

Contoh Kekaburan Rujukan:

1. '**Kami** risau kerana ayah tidak pernah hilang lama macam ini'
2. 'Saya minta duit dan ugut bunuh sebab **dia** hutang saya'
3. 'Kerana bola sepak, **kita** kenal sukan'
4. 'Kalau **orang** ajak ke Tanah Suci, saya on sahaja'
5. 'Yang tahu sahaja tahu, **kami** tawar...'
6. 'Tak mahu lagi, **perkara ini** sudah tertangguh sekian lama'
7. '**Dia** punya sejuk macam mandi ais'

Dalam wacana, rujukan perlu dikenal pasti oleh pendengar atau pembaca. Jika tidak difahami oleh pembaca, inilah yang dikatakan "*referential ambiguity*". Hal ini kerana, kebanyakan orang biasa menggunakan kata ganti nama dalam cara yang membenarkan lebih daripada satu kemungkinan (Kroeger, P.R., 2018). Perkara ini bertepatan dengan hasil dapatan yang diperolehi yang menunjukkan kata seperti '*dia, kami, mereka* dan *ini*' kerap digunakan dalam tajuk berita tanpa sebarang penjelasan yang tepat. Berdasarkan tajuk berita di atas, rujukan yang kabur menjadi alat untuk mencetuskan inferens daripada pembaca berdasarkan pengetahuan bersama (*shared knowledge*) antara pembaca dan media. Berdasarkan contoh (1) hingga (6), kata ganti nama '*dia*' mengikut sesetengah penahu bahasa Melayu standard hanya boleh digunakan untuk merujuk kepada ciri [+manusia]. Namun demikian, Asmah Haji Omar (1991) menyatakan bahawa kata '*dia*' juga boleh merujuk kepada ciri [-manusia]. Data (7) memperkukuhkan dapatan Asmah, '*Dia*' di situ merujuk kepada cuaca dan bukannya merujuk kepada manusia.

Kekaburan rujukan juga paling tinggi digunakan disebabkan oleh tajuk yang ringkas, padat dan mengandungi unsur provokatif lebih berpotensi untuk menarik klik dan perhatian pembaca seiring dengan keperluan media digital pada masa kini. Penggunaan kekaburan rujukan dalam tajuk berita digunakan secara sengaja sebagai strategi untuk menarik perhatian pembaca dalam persekitaran media yang kompetitif. Menurut Asmah Haji Omar (2007), dalam usaha menarik pembaca atau pendengar kepada media yang dihasilkan oleh syarikat masing-masing, pemberita atau penulis berita berlumba-lumba untuk mendapat berita yang masih panas daripada pengeluar berita berkenaan atas dasar paling awal paling unggul. Namun demikian, berlumba-lumba dalam memastikan berita menjadi pandangan pembaca boleh menyebabkan berlakunya kekaburan tersebut. Hal ini dikatakan strategi "*menimbulkan sensasi*". Walaupun strategi kekaburan menimbulkan sensasi dalam kalangan pembaca, namun ia juga membawa kesan yang negatif kepada pembaca. Di samping itu, kekaburan rujukan juga paling tinggi

ditemui dalam akhbar kerana penggunaan rujukan kabur seperti pronomina atau frasa umum membantu menimbulkan persoalan dalam minda pembaca, lalu mendorong mereka untuk mencari kejelasan dalam isi berita (Che Hazira & Hanita, 2020). Hal ini secara tidak langsung membolehkan pembaca membaca keseluruhan isi berita tanpa hanya membaca tajuk utama sahaja bagi mengelakkan berlakunya maklumat yang tidak benar.

Kekaburan rujukan juga paling kerap digunakan berbanding kekaburan yang lain disebabkan oleh tajuk berita dengan rujukan yang kabur memainkan peranan sebagai umpan klik '*clickbait*' kerana pembaca hendak tahu 'siapa sebenarnya' subjek yang disebut dalam tajuk akhbar tersebut. Menurut Lim & Sharon Wilson (2024), umpan klik '*clickbait*' dalam media digital semakim lazim digunakan dan kekaburan rujukan menjadi strategi biasa untuk mencetuskan klik dan meningkatkan trafik. Kekaburan kompleks pula paling rendah kerana menyukarkan pembaca untuk memahami tajuk utama dengan cepat kerana ayatnya yang terlalu rumit. Pembaca akhbar dalam talian mahukan maklumat yang cepat, ringkas dan mudah untuk difahami. Struktur ayat yang terlalu kompleks akan menyebabkan mesej tidak akan sampai dan sukar untuk difahami. Bukan itu sahaja, kekaburan yang terlalu kompleks menyebabkan pembaca berasa penat secara kognitif kerana berfikir tentang makna yang ingin disampaikan dan akhirnya mengabaikan isi kandungan (Tan & Ramli, 2024). Oleh itu, wartawan lebih cenderung menggunakan bentuk kekaburan yang lebih terkawal seperti kekaburan rujukan dan juga kekaburan leksikal.

### 4.3 Faktor Yang Menyebabkan Berlakunya Kekaburan Makna Akhbar dalam Talian

#### a) Fenomena Umpan Klik (*Clickbait*)

Umpan Klik atau dikenali '*clickbait*' didefinisikan sebagai satu strategi yang digunakan dalam tajuk berita online dengan tujuan utama untuk meningkatkan *engagement* pembaca seperti klik dan interaksi, walaupun ini kadangkala merosakkan kredibiliti media kerana tajuk yang sensasional tetapi tidak mencerminkan isi kandungan sebenar (Siti Aishah, 2025). Dalam era digital, tajuk berita sering direka untuk mendapatkan umpan klik. Tajuk yang tidak lengkap, kabur digunakan untuk mendorong pembaca membuka berita penuh. Fenomena ini sangat berleluasa digunakan dalam sosial media lebih-lebih lagi tajuk berita utama. Perkara ini dikatakan demikian kerana, kandungan umpan klik ini mampu menarik minat pembaca dengan mengklik pada kandungan tersebut. Umpan Klik ini juga sebagai mekanisme untuk mendapatkan populariti melalui kadar klik yang tinggi. Tajuk-tajuk umpan klik yang sensasi dan kabur direka khas untuk mencetuskan rasa ingin tahu dan mendorong pembaca klik (Scott, 2021). Bukan itu sahaja, Scott menyatakan bahawa tajuk berita umpan klik ini banyak menggunakan dua golongan kata yang utama iaitu kata ganti nama dan kata adjektif.

#### b) Tajuk berita yang ringkas

Berita dalam talian cenderung untuk menyajikan tajuk berita yang ringkas dan memberikan maklumat dengan cepat dan efisien (Winda et al. 2024). Hal ini dikatakan demikian, pembaca menginginkan maklumat dengan cepat menyebabkan tajuk berita utama direka secara menarik dan singkat dengan disediakan pautan tambahan untuk melayari dengan lebih lanjut. Tajuk yang ringkas juga menyebabkan maklumat-maklumat penting yang sepatutnya ada telah digugurkan. Bukan itu sahaja, kepantasan berita turut memainkan peranan penting dalam menyumbang kepuasan pengguna. Kepantasan inilah yang akan membawa kepada tajuk yang singkat, ringkas dan akan membawa kepada tafsiran makna yang salah dan pelbagai. Berita dalam talian cenderung untuk menyajikan tajuk berita yang ringkas dan menyampaikan maklumat dengan cepat kerana pembaca menginginkan maklumat yang segera di era digital ini (Nicole Siller et al. 2025). Menurut Jeff Grabmeier (2024), pembaca dalam talian lebih tertarik kepada tajuk yang ringkas dan mudah dibaca, kerana tajuk yang kompleks boleh menyebabkan pembaca mengabaikannya, sementara tajuk yang ringkas dan mudah difahami cenderung menarik lebih banyak perhatian dan membuatkan pembaca memproses informasi secara lebih mendalam.

#### c) Faktor masa dan tekanan pengeluaran berita

Menurut Ahmed Qadir (2025), pengaruh teknologi digital terhadap integriti kewartawanan menggariskan bahawa budaya media yang bergantung kepada metrik seperti klik, capaian, dan

keterlibatan pembaca memberi tekanan kepada wartawan untuk menghasilkan kandungan dengan segera, sekalipun mungkin mengurangkan ketelitian penyelidikan dan semakan fakta. Hal ini kerana, organisasi berita ingin *scoop* atau mendahului pesaing dalam pelaporan. Tekanan kerja yang mendadak mendorong kepada penulisan berita secara tergesa-gesa dan kadang kala tidak memberi fokus kepada maklumat yang penting. Bukan itu sahaja, berita yang ‘viral’ sering kali menjadi tontonan umum dan dinantikan-nantikan oleh pembaca menyebabkan penulis akhbar akan sentiasa mencipta tajuk berita yang menjadikan lebih sensasi. Justeru hal ini akan membawa kepada tekanan pengeluaran berita tersebut. Bukan itu sahaja, penulis akhbar harus ‘up to date’ atau lebih maju ke depan berbanding orang awam bagi memastikan maklumat yang disampaikan dapat tersebar dengan meluas. Oleh itu, setiap akhbar akan menghasilkan tajuk berita yang tersendiri dan akhbar Kosmo! Online juga tidak mahu ketinggalan dalam menyampaikan maklumat dengan cepat. Umum mengetahui bahawa dalam setiap organisasi pekerjaan, penetapan *Key Performance Indicators* (KPI) merupakan satu mekanisme penting bagi menilai prestasi dan produktiviti pekerja. Dalam konteks industri media, wartawan dan penulis berita juga tidak terkecuali daripada sistem penilaian ini, malah mereka sering dinilai berdasarkan jumlah berita yang perlu disiapkan dalam tempoh tertentu.

#### d) Faktor Penulis

Penulis akhbar memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat yang jelas, tepat dan beretika kepada masyarakat. Dalam konteks media digital di Malaysia, cabaran etika semakin ketara apabila organisasi media berhadapan dengan tekanan untuk menghasilkan berita secara pantas dan menarik perhatian pembaca. Kajian oleh sarjana tempatan mendapati bahawa budaya persaingan media dalam talian mendorong penggunaan tajuk sensasi, ringkas dan dramatik bagi meningkatkan kadar bacaan serta perkongsian di media sosial (Mohd Khairie Ahmad, 2024). Keadaan ini menyebabkan berlakunya penggunaan kata yang umum, kabur, hiperbola sehingga boleh menimbulkan kekeliruan makna. Selain itu, kajian dalam konteks kewartawanan digital Malaysia turut menegaskan bahawa penekanan terhadap isu tular dan sensasi boleh menjejaskan prinsip etika kewartawanan sekiranya kejelasan dan ketepatan maklumat tidak diberi keutamaan (Norhafezah Yusof & Hasrul Hashim, 2025). Hal ini menunjukkan bahawa etika penulisan akhbar bergantung pada sejauh mana maklumat disampaikan secara jelas dan bertanggungjawab, bukan sekadar menarik perhatian melalui unsur dramatik atau kekaburan bahasa.

### 5. Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa kekaburan makna masih menjadi isu yang ketara dalam tajuk berita akhbar *Kosmo! Online*. Fenomena ini menunjukkan bahawa proses penyampaian maklumat dalam talian sering menimbulkan pelbagai tafsiran dalam kalangan pembaca. Kekaburan yang wujud menyebabkan berlakunya salah faham terhadap maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis berita, sekali gus memerlukan pembaca membuat pembacaan berulang kali untuk memperoleh makna yang tepat dan selaras dengan niat penulis. Hal ini berbeza dengan komunikasi secara bersemuka yang membolehkan penjelasan dilakukan secara langsung apabila wujud kekeliruan makna. Dalam konteks komunikasi atas talian pula, kekaburan tidak mudah diatasi kerana tiada interaksi dua hala secara segera antara penulis dan pembaca. Oleh itu, kekaburan makna menjadi aspek yang amat penting untuk dikaji kerana ia memberi kesan langsung terhadap keberkesanan penyampaian mesej, kefahaman khalayak, dan kredibiliti media. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kekaburan makna yang paling kerap ditemui dalam tajuk berita akhbar *Kosmo! Online* ialah kekaburan rujukan, diikuti oleh kekaburan leksikal, struktur dan kekaburan kompleks.

Kajian ini seterusnya menegaskan bahawa isu kekaburan dalam tajuk berita tidak boleh dipandang ringan kerana ia bukan sahaja menjejaskan ketepatan maklumat, malah berpotensi mengubah persepsi masyarakat terhadap sesuatu isu yang dilaporkan. Bukan itu sahaja, faktor-faktor berlakunya kekaburan perlu dipandang tinggi oleh penulis berita agar maklumat yang disampaikan tidak mengundang kepada sebarang perspektif negatif. Dalam era digital yang serba pantas ini, segala maklumat boleh diakses pada bila-bila masa, maka kejelasan makna menjadi aspek utama dalam memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban media. Oleh itu, disarankan agar pengkaji akan datang memperluas penyelidikan ini dengan meneliti kekaburan makna dalam pelbagai platform media

lain seperti portal berita alternatif, media sosial, atau iklan dalam talian bagi memperkaya kefahaman tentang fenomena kekaburan dalam komunikasi moden.

## Rujukan

- Abir Wardati Nasruddin, Zuraini Jusoh, Sharil Nizam Shah & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2021. Ketaksaan figuratif dalam laporan berita sukan bola sepak. *Jurnal Linguistik* 25(1): 50-65.
- Ahmad Fahmi Ramli. 2021. *Analysing structural ambiguities in a Malaysian English newspaper: An X-bar theory approach*. International Islamic University Malaysia.
- Ahmad Qadir Saeed, Neaz Mustafa, Mohammed Satar Ahmed & Twana Nasih Ahmed. 2025. The impact of digital technologies on journalistic integrity: an analysis of clickbait, algorithmic influence and societal consequences. *Asian Journal of Education and Social Studies* 51(6): 566-580. [10.9734/ajess/2025/v51i62018](https://doi.org/10.9734/ajess/2025/v51i62018)
- Asmah Haji Omar. 1991. *Bahasa Melayu Abad ke 16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu Aqa'id Al-Nafasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2007. *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aqeel Ahmad, Kamran Ali & Zubair Khan. 2025. Analyzing ambiguity in newspaper headlines: the case of crash-blossoms. *Social Science Review Archives* 3(2): 300-313.
- Buletin TTKM*. 2020. Tajuk Kosmo! 'clickbait' dan 'misleading' <http://ttkm.com.my/> [dicapai pada 23 Februari 2025].
- Che Hazira Che Roza & Hanita Hassan. 2020. Strategi penggunaan bahasa dalam penulisan rencana ilmiah. *LSP International Journal* 7(2): 139-153. <https://doi.org/10.11113/lspi.v7.16324>
- Erik Santoso. 2020. *Ambiguitas Pada Judul Berita Surat Kabar Suara Merdeka Edisi September-Oktober 2019 dan Implikasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Indonesia di SMA, Indonesia: Skripsi*. Fakultas Keguruan Dan Ilmu Pendidikan. Universitas Pancasakti Tega.
- Farizah Hashim, Nur Farahkhanna Mohd Rusli & Anida Sarudin. 2025. Analisis ketaksaan Homonim dalam buku teks bahasa Melayu (SK) murid tahun empat berdasarkan teori semantik kognitif. *Jurnal Linguistik* 29(1): 059-079.
- Jeff Grabmeier. 2024. Simple headlines attract more online news readers. <https://www.eurekalert.org/>.
- Kamus Dewan Perdana*. 2020. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kroeger, P. R. 2018. *Analyzing Meaning: An Introduction to Semantics and Pragmatics*. Berlin: Language Science Press.
- Kosmo! Online*. 2025. <https://www.kosmo.com.my>.
- Lim Shiang Shiang & Sharon Wilson. 2024. Unravelling clickbait news as viral journalism in Malaysia: its phenomenon and impacts. *Journal of Media and Communication Research* 16(1): 33-47.
- Maslida Yusof, Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi & Karim Harun. 2021. Pelaporan isu kelapa sawit dalam tajuk akhbar dalam talian: analisis pragmatik. *Jurnal Komunikasi* 37(1): 126-145. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2021-3701-08>
- Mohd Syukri Anwar. 2022. Analisis berita covid-19 menggunakan konsep AD HOC. *Jurnal Bahasa* 22(1): 29-48. [https://doi.org/10.37052/jb22\(1\)no2](https://doi.org/10.37052/jb22(1)no2)
- Mohd Khairie Ahmad. 2024. Tekanan metrik dan transformasi kewartawanan digital di Malaysia. *Malaysian Journal of Media Studies*, 26(1), 45-60.
- Norhafezah Yusof, & Hasrul Hashim. 2025. Etika kewartawanan dan isu clickbait dalam portal berita tempatan. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 28(1), 1-15.
- Nimra Noor, Aniq Rashid & Huda Noor. 2025. Strategic ambiguity in digital : a sociolinguistic and politeness-based analysis of international vagueness. *Journal of English Language, Literature and Education* 7(2): 108-141.
- Nicole Siller & Max Planck Society. 2025. Online headlines shift from concise to click-worthy <https://phys.org/news/2025-05-online-headlines-shift-concise-click>.
- Nira Fatima, Sameer Ali Shah, Sharmeen Khan Sherazi & Kanwal Sajjad. 2025. Syntactic ambiguity in news headline: a linguistic analysis of structural ambiguity and its interpretative effects. *Journal of Applied Linguistic and TESOL (JALT)* 8(2):1206-1226
- Nwankwo-Ojiou, C. E., Adzharuddin, N. A., Waheed, M., & Mohd Khir, A. 2022. Impact of Strategic Ambiguity Tagline on Billboard Advertising on Consumers Attention. *Online Journal of Communication and Media Technologies* 12(1):1-16. <https://doi.org/10.30935/ojcm/11432>
- Sarah Balqis Zain Azman, Rozita Che Rodi & Hazlina Abdul Halim. 2025. Leksikal 'api' dalam peribahasa Melayu: satu analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Linguistik* 29(2): 001-016.
- Scott, K. 2021. You won't believe what's in this paper! Clickbait, relevance and the curiosity gap. *Journal of Pragmatics* 175:53-66. <http://dx.doi.org/10.1016/j.pragma.2020.12.023>
- Sperber, D., & Wilson, D. 1995. *Relevance: Communication and cognition* (2nd ed.). Oxford: Blackwell.

- Siti Aishah Chu Abdullah & Azza Azreenas Azman. 2025. Analytical clickbait strategies in news headlines : a case study of mStar. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences* 8(29): 01-15.
- Tan, A. L. & Ramli, F. 2024. Cognitive load and new headlines: a pragmatics analysis. *Journal of Media and Language Studies* 12(1): 88-102.
- Tan Sri Zulfikar Yusuf, Cecep Gunawan & Fani Nur Jannah. 2025. Sentence patterns, factual content, and new values in news headline: their impact on reader's decisions to engage with the full story. *Communication Studies Journal* 2(3): 1-9.
- Utusan Malaysia*. 31 Mei 2023. <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/05/rakyat-kita-malas-suka-baca-tajuk-saja/>
- Winda Kustiawan, Tri Maulidina, Alya Rahmadhani Br Ginting, Afriana Alawiah AR & Muhammad Daffa. 2024. Strategi penulisan berita media cetak, online, radio dan televisi. *Jurnal Pendidikan Integratif* 5(4): 405-417.
- Zul Hanis Yop Othman & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2020. Ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga Terengganu. *Jurnal Linguistik* 24 (1): 33-50.

### **Biodata Penulis**

**Siti Nurindah Binti Hassan.** Graduan Sarjana Muda dalam Program Pengajian Bahasa Melayu, di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Maslida Yusof.** (PhD) ialah Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Semantik dan Pragmatik.